



# قِبَّاتُ سُورٍ وَهُنْجَائِي قِرْخَدَمَتْنَ عَوَام

PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM  
OFFICE OF THE PUBLIC SERVICE COMMISSION  
PRIME MINISTER'S OFFICE | BRUNEI DARUSSALAM

BANGUNAN SURUHANJAYA  
PERKHIDMATAN AWAM, LAPANGAN  
TERBANG LAMA, BERAKAS,  
BANDAR SERI BEGAWAN, BB3510,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TEL: 2380459 | 2380460  
FAX: 2382772 | 2381893  
EMAIL: info@spa.gov.bn  
WEBSITE: www.spa.gov.bn

## KENYATAAN AKHBAR

Tarikh kenyataan di keluarkan:

**02 September 2021 (Hari Khamis)**

## PUBLIC SERVICE COMMISSION RECRUITMENT 2.0 (PSCR 2.0)

[www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

Dengan penuh hormat sukacita dimaklumkan bahawa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam pada masa ini sedang dalam pelaksanaan sistem pengambilan yang baharu iaitu Public Service Commission Recruitment 2.0 (PSCR 2.0) yang mana akan menggantikan sistem Public Service Commission Recruitment yang digunakan pada masa ini.

Projek pembangunan sistem ini mempunyai dua (2) fasa yang mana fasa pertama (bagi pengguna *Front End*) telah pun siap sepenuhnya manakala pembangunan bagi fasa kedua (*business users*) sedang giat dijalankan pada masa ini. Matlamat sistem ini adalah bagi memudahkan urusan permohonan dan pengisian jawatan kosong di sektor Perkhidmatan Awam secara lebih **efektif, efisien** dan **interaktif**.

Sehubungan dengan itu, sukcita menarik perhatian semua pencari-pencari kerja untuk menyediakan salinan sijil-sijil kelulusan dan dokumen-dokumen yang relevan dalam bentuk **PDF FILE**. Perkara ini adalah sebagai persediaan pengguna-pengguna sistem tersebut untuk memuat naik dokumen-dokumen yang diperlukan ke dalam sistem **PSCR 2.0** yang akan mula beroperasi pada **7 September 2021**. Sijil-sijil kelulusan dan dokumen-dokumen yang terdapat di dalam sistem pada masa ini juga boleh digunakan untuk dimuat naik semula ke dalam sistem yang baru itu nanti.

Sistem tersebut dibangun dengan ciri-ciri baru berkonsepkan mesra pengguna, lebih mudah digunakan dan interaktif. Butiran-butiran yang diperlukan bagi melengkapkan profil adalah seperti berikut:

- Maklumat peribadi
- Pengalaman Kerja
- Latar belakang pendidikan
- Muat Naik Dokumen

Tatacara bagi melengkapkan profil boleh dirujuk pada ruangan “Garis Panduan” portal tersebut atau di media sosial rasmi (**Instagram, Facebook** dan **Telegram**) **PSC.BN** atau dengan menghubungi mejabantu di talian whatsapp **+6737371961** semasa waktu bekerja dan juga melalui **Talian Darussalam 123**.

Sukacita jua menarik perhatian kepada semua pengguna bagi melengkapkan profil masing-masing dalam tempoh **satu (01) minggu** setelah sistem tersebut beroperasi pada **7 September 2021** sebelum iklan pertama dikeluarkan melalui **PSCR 2.0**.

Sekian dimaklumkan

Sebarang pertanyaan:

 +673 7371961

 [query@spa.gov.bn](mailto:query@spa.gov.bn)

Sekian disampaikan.

Dikeluarkan Oleh:

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Negara Brunei Darussalam

 [recruitment.gov.bn](https://recruitment.gov.bn) | [spa.gov.bn](https://spa.gov.bn)

Ikuti channel telegram  : [t.me/psc\\_recruitment](https://t.me/psc_recruitment)